



# isu *gender* dan penderaan wanita

**S**OAL *gender* dan pembangunan atau ke-ganasan rumah tangga merupakan salah satu isu yang sentiasa diperkatakan. Walaupun hari ini telah ramai wanita yang berjaya, namun masih terdapat diskriminasi terhadap golongan ini dari pelbagai aspek dan hak mereka sering diketepikan.

Menyedari fenomena itu Jabatan Pembangunan Wanita, Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga, mengadakan satu seminar untuk meningkatkan kefahaman dan keprihatinan pemimpin-pemimpin masyarakat, ahli-ahli pertubuhan bukan kerajaan (NGO), penggubal dasar dan penguatan kuasa undang-undang dipelbagai peringkat.

Menurut Shamsudin Salleh dari Institut Latihan Pengembangan Pertanian, Jabatan Pertanian, Serdang, dalam masyarakat hari kita jarang melihat wanita yang tidak bekerja. Bagi pasangan suami isteri bekerja, kita lihat berlaku keadaan yang tidak seimbang.

Apabila pulang dari kerja, lelaki masih berpeluang membaca akhbar dan berehat, sedangkan isteri terpaksa melakukan kerja mengurus rumah tangga.

"Jika kerja-kerja di rumah dapat dikongsi, isteri akan dapat menumpukan lebih perhatian terhadap keluarga. Bagaimanapun suami yang menolong isteri dianggap kena *queen control*.

"Kalau ada yang mahu menolong isteri, mereka terpaksa berhati-hati kerana takut dilihat oleh orang lain," kata Shamsudin dalam Seminar *Gender* dan



● Dr. Husna Sulaiman

**Gender** lebih merujuk kepada perhubungan **sosial** antara **lelaki** dan **wanita** dan ia dibina secara sosial. Ia juga boleh **dikatakan** sebagai peraturan-peraturan yang **diwujudkan** secara sosial di antara lelaki dengan **wanita**.

Manakala **jantina** pula **merujuk** kepada perbezaan **biologi** antara **lelaki** dan wanita

Pembangunan, anjuran Jabatan Pembangunan Keluarga dan Hal Ehwah Wanita baru-baru ini.

Tambah beliau, ibu sepatutnya mengajar anak-anak lelaki membasuh pinggan dan melakukan kerja-kerja rumah yang lazimnya dilakukan oleh wanita seperti membasuh pinggan kerana ia boleh dilakukan oleh semua orang.

Dari perspektif *gender*, peranan boleh bertukar, walaupun kebanyakan masyarakat menganggap bahawa perempuan mesti melakukan kerja-kerja yang biasa dilakukan oleh mereka seperti mengemas rumah, memasak dan sebagainya, manakala lelaki pula dengan kerja-kerja mereka seperti mencari nafkah dan lain-lain.

Secara stereotaip, jantina membawa makna 'sama satu acuan'. Ia tidak diterima sebagai sesuatu yang benar, tidak dipersoalkan, manakala dalam konteks *gender*, ia adalah sifat-sifat tertentu yang dikaitkan kepada jantina, lelaki atau wanita.

*Gender* lebih merujuk kepada perhubungan sosial antara lelaki dan wanita dan ia dibina secara sosial. Ia juga boleh dikatakan sebagai peraturan-peraturan yang diwujudkan secara sosial di antara lelaki dengan wanita. Manakala jantina pula merujuk kepada perbezaan biologi antara lelaki dan wanita.

"Untuk memberi 'upaya' kepada wanita (*empowerment*), mesti ada skil. Dalam hal ini pun terdapat pandangan yang berbeza. Dalam *gender*, ada praktikal dan strategi.

"Untuk *power with* dilakukan secara berkumpulan, manakala *power within* pula bermaksud berupaya menyedari diri bahawa hakikat *gender* boleh berubah mengikut perbezaan budaya, masyarakat, tempat atau negara dan zaman ke zaman," kata beliau.

Selain itu Shamsudin turut mempercakapkan tentang isu diskriminasi di antara lelaki dan wanita. Ini tercetus apabila layanan dan peluang yang tidak sama terhadap wanita seperti gaji, kenaikan pangkat, anak-anak lelaki lebih digemari dan lebih diutamakan serta pelbagai lagi.

Tambahnya lagi, "Peranan berasaskan jantina (*gender role*), lelaki adalah pencari nafkah dan wanita pembantu, manakala dari segi lelaki (*double role*) berlawanan dengan wanita (*multiple role*). Dari segi agihan tugas mengikut jantina, lebih membebaskan wanita.



● Shamsudin Salleh

"Kesaksamaan *gender* pula ialah individu, sama ada lelaki mahupun wanita diberi peluang yang sama untuk merebut sumber dan kemudahan, membangu dan memajukan diri, memastikan hak yang sama terhadap maklumat dan sebagainya."

Jantina tidak boleh berubah dari segi sifat biologi semula jadi seperti perempuan boleh melahirkan anak, sedangkan lelaki tidak. Tetapi dari sudut *gender* persepsi dan cetusan pemikiran masyarakat boleh berubah. Contohnya lelaki boleh melakukan kerja-kerja tertentu dan sebaliknya.

Selain itu, pada majlis tersebut Dr. Husna Sulaiman, dari SIS-Consultancy, Sendirian Berhad, pula membentangkan kertas bertajuk Keganasan Rumah Tangga: Definisi, Fakta dan Mitos.

Menurut beliau, keganasan terhadap rumah tangga boleh didefinisikan sebagai sebarang tingkah laku berasaskan *gender* yang boleh mengakibatkan kecederaan fizikal dan seksual yang parah, penderaan mental atau emosi yang serius dan boleh membawa maut serta boleh berlaku dalam masyarakat atau di rumah.

"Sebahagian keganasan menjurus kepada keluarga. Ia berlaku di antara pasangan yang berkahwin atau akan berkahwin dan merupakan satu pola tindakan keganasan yang disengajakan serta berulang-ulang.

"Perbuatan ini berlaku ke atas wanita dan kanak-kanak, melibatkan mereka yang 'berkuasa' (lelaki) terhadap mereka yang 'lemah' (wanita). Ini akibat daripada kuasa yang tidak seimbang di antara lelaki dan wanita," ujar beliau.

Dalam hal ini masyarakat seolah-olah membentuk dan merestui tindakan tersebut dengan beranggapan lelaki mempunyai ciri-ciri dominan, seperti agresif, berani dan sebagainya, manakala wanita pula seorang yang beremosi, lemah, taat

**"Dianggarkan 40 hingga 70 peratus wanita yang terbunuh adalah mangsa keganasan rumah tangga dan dianggarkan 39 peratus wanita di Malaysia didera oleh pasangan mereka. Dalam hal ini 95 peratus mangsa terdiri daripada wanita dan kanak-kanak."**

dan menurut perintah.

Budaya ini adalah penerusan daripada keganasan terhadap wanita yang pernah berlaku pada zaman pra-Islam.

Tambahnya, "Ia berlaku dalam semua lapisan masyarakat, budaya, etnik, dan taraf sosioekonomi. Kajian menunjukkan bahawa 25 hingga 50 peratus wanita di seluruh dunia didera oleh pasangan hidup mereka.

"Dianggarkan 40 hingga 70 peratus wanita yang terbunuh adalah mangsa keganasan rumah tangga dan dianggarkan 39 peratus wanita di Malaysia didera oleh pasangan mereka. Dalam hal ini 95 peratus mangsa terdiri daripada wanita dan kanak-kanak."

Pendera melakukan keganasan dengan cara mengugut, mengancam, memaksa, menakutkan dan sebagainya. Penderaan fizikal pula melibatkan perbuatan menendang, memukul dan banyak lagi.

Bukan itu sahaja, kanak-kanak dan wanita turut terdedah kepada penderaan seksual seperti merogol atau mencabul kehormatan. Ia juga berkaitan dengan amalan *dowry* bagi masyarakat India, iaitu apabila wanita yang tidak membayar *dowry* seperti dikehendaki oleh pihak lelaki, mereka akan diperlakukan dengan sewenang-wenang.

Walaupun amalan *sattee*, iaitu satu lagi amalan dalam masyarakat India tidak lagi dipraktikkan, tetapi ia tetap memberi kesan kepada wanita hingga ke hari ini.

Satu insiden penderaan fizikal sudah cukup memberi kesan dan menguasai serta mengawal mangsa. Ia diperkuatkan lagi dengan taktik serangan yang menunjukkan *pattern* keganasan yang sangat berkesan apabila menggunakan taktik berbeza. Malah pendera juga boleh melakukan keganasan pada bila-bila masa sahaja. W